

INSTITUSI KEHAKIMAN ISLAM

Oleh
Abd. Khalil Mohd. Khalid
Pusat Pendidikan Islam

ABSTRAK

Seringkali apabila disebut perkataan qadi, kita terus membayangkan seorang yang tugasnya menikahkan perempuan tidak berwali atau yang berkaitan dengan perceraian. Qadi bererti seorang yang memutuskan atau dalam istilah kita kini ialah seorang hakim. Apabila disebut perkataan qadi maka yang sepatutnya terbayang di kepala kita ialah hakim yang bertugas di mahkamah-mahkamah seluruh dunia. Penulis ingin memaparkan di sini kedudukan sebenar institusi kehakiman dalam Islam seperti yang pernah dilaksanakan oleh negara-negara Islam khususnya di awal-awal abad Hijrah. Tujuannya supaya dapat difikirkan bersama keunikan dan keistimewaannya yang mampu memberikan keadilan dan mengujudkan keamanan negara. Para pemikir Islam seharusnya melihat secara serius perkara ini demi kebaikan sejagat di masa akan datang.

PENDAHULUAN

Islam adalah "al-Din" yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai nikmat terbesar untuk seluruh alam. Islam adalah sistem kehidupan yang unik. Semua sistem dalam Islam seperti perundangan, muamalah dan kehakiman adalah bersifat rabbani iaitu teras dan sumbernya dari Al-Quran dan Al-Sunnah. Kehakiman Islam terdiri dari tiga institusi penting iaitu Qada'iyah, Mazalim dan Hisbah.

INSTITUSI QADA'IYYAH

Skop kehakiman Islam adalah tertakluk di bawah kekuasaan (de jure) Allah SWT. Rasulullah s.a.w. adalah hakim pertama bagi daulah Islamiah Madinah. Baginda menghukum berdasarkan ketentuan Ilahi seperti yang dituntut oleh Islam. Antara firman Allah yang menggesa supaya berbuat demikian ialah:

*"Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang-orang kafir."*¹

1. Al-Quran, Surah Al-Maidah (5:44)

Penegasan Allah SWT berhubung dengan perkara ini juga boleh didapati dari ayat yang lain seperti Al-Ma'idah (5: 45-50). Rasulullah s.a.w. di zamannya telah melantik beberapa orang qadi (hakim) sebagai wakil baginda di beberapa buah tempat. Contohnya baginda menghantar Ali bin Abi Talib sebagai qadi Yaman. Huzaifah Ibn Yaman ke Huson dan Abu Ubaidah Amir Al-Jarrah ke Najran.² Sebagai mukmin sebenar dan bertanggungjawab terhadap agamanya, qadi-qadi yang dilantik itu bukan sekadar menjadi hakim tetapi merekalah juga yang bertindak sebagai tenaga pengajar ilmu Islam, wakil ketua negara dan pendakwah ke jalan Allah.³ Amalan Rasulullah s.a.w. ini diikuti oleh khalifah-khalifah yang selepasnya.

Pada mulanya perbicaraan dilakukan di kediaman para qadi atau di masjid. Uthman Al-'Affan adalah orang yang pertama yang mengujudkan Dar al-Qada sebagai tempat perbicaraan.⁴ Manakala di zaman Abbasiyyah dibentuk Diwan al-Qada di Baghdad dan dilantik pembantu-pembantu qadi seperti pendakwa, pencatit, penjaga diwan, pembela dan pembantu masing-masing.

Cara Perlantikan Qadi

Qadi mestilah dilantik oleh ketua negara kerana punca segala kekuasaan umum berada di tangannya. Perlantikan qadi sama seperti perlantikan wazir atau petugas kerajaan yang lain. Pada zaman Abbasiyyah khususnya semasa pemerintahan Harun al-Rasyid, beliau melantik "Qadi al-Qudah"⁵ yang kemudiannya akan melantik qadi-qadi biasa untuk dihantar ke wilayah-wilayah Islam.⁶

Syarat-syarat perlantikan qadi (hakim)

Imam al-Mawardi telah meletakkan beberapa syarat mesti dipatuhi bagi perlantikan seorang hakim Islam. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut ;⁷

1. Lelaki - termasuk di dalam syarat ini ialah baligh dan muakallaf kerana perkataan orang yang belum baligh tidak diterima. Syarat ini juga dengan sendirinya menghalang perempuan dari menjadi hakim.⁸
2. Berakal - iaitu seorang yang cerdik, tidak lupa dan lalai.
3. Merdeka - bukan hamba.
4. Islam - orang kafir tidak boleh dilantik menjadi qadi untuk menghukum sesama sendiri apatah lagi terhadap orang Islam. Firman Allah yang bermaksud;

*"Dan Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada orang kafir mengatasi orang beriman."*⁹

2. Dr. Mahmud, Nizam al-Hukm al-Islami, hlm. 337

3. Ibid, hlm. 337

4. Dr. Abd. Hamid al-Mutawalli, Mabadi Nizam al-Hukm al-Islam, hlm. 232.

5. Kertas Qadi bagi negara Islam.

6. Dr. Abd. Hamid al-Mutawalli, Mabadi Nizam al-Hukm al-Islam, hlm. 232.

7. Abd. al-Uweh, Mahadarat fi Nizam al-Qada fi al-Islam, hlm. 2-9.

8. Ada pendapat setengah ulama seperti Abu Hanifah dan Ja'ir yang mengharuskan wanita menjadi qadi dengan alasan bahawa wanita diterima penyaksikannya dan menasibkan sesuatu hukuman. Namun bagi Abu Hanifah, beliau menasibkan bahawa wanita boleh menjadi qadi dalam kes dimana penyaksian wanita diterima. Lihat Abu Hasan Ali al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyah, hlm. 65.

9. Surah Al-Nisa (4:141)

5. Bersifat 'Adalah - bermaksud benar dalam kata-katanya, nyata amanahnya, bersih perjalanan hidupnya, tenang semasa suka dan marah serta mempunyai harga diri di segi agama dan duniawi.
6. Sempurna pendengaran dan penglihatan - bagi membolehkan qadi menentukan hukum yang akan diputuskan berdasarkan keterangan dalam bentuk ucapan dan keterangan bendaan.
7. Seorang yang alim dalam hukum syarak - sebolehnya hendaklah seorang mujtahid yang mempunyai kepakaran dalam ilmu Al-Quran, hadith, ijma', qias serta ilmu-ilmu yang berkaitannya.

Tugas-tugas dan bidangkuasa qadi

Iman Al-Mawardi telah mengelaskan qadi kepada beberapa kategori dan menentukan tugas masing-masing berdasarkan pembahagian itu seperti berikut;¹⁰

a. Qadi wilayah 'Ammah.

Bidangkuasa yang dipunyai oleh qadi ini adalah amat luas sekali iaitu mengandungi sepuluh perkara yang terbesar.

- i. Menyelesaikan pertelingkahan samada dengan keputusan yang saling meredai di antara yang berbalah ataupun penyelesaian yang dipaksa oleh qadi ke atas kedua pihak yang bertelagah itu.
- ii. Mengarahkan kepada orang yang berhutang dan mempunyai kelapangan (harta) tetapi enggan membayarnya apabila sampai tempoh supaya membayarnya kepada si piutang.
- iii. Menentukan wali (penjaga) bagi orang yang dihalang menguruskan hartanya sendiri kerana gila, anak yatim dan orang yang ditahan hartanya kerana bodoh atau bengkrap.
- iv. Memberi perhatian kepada harta waqaf dengan menjaga asal harta itu, menyimpannya dan membelanjakannya kepada urusan yang diizinkan oleh syarak.
- v. Melaksanakan wasiat-wasiat seperti yang ditetapkan oleh syarak.
- vi. Menikahkan perempuan-perempuan yatim yang ingin berkahwin apabila ketiadaan wali.

10. Penjelasan mengenai bidangkuasa ini adalah merupakan gabungan ide antara Al-Mawardi dan Dr. Mahmud Hikmi. Lihat Al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyah, hlm 70-71 dan Dr. Mahmud Hikmi, Nizam al-Hukm al-Islam, hlm 343-344.

- vii. Memerhatikan kepada maslahat umum dalam amalan-amalan awam supaya tidak melampaui batas. Qadi berkuasa menyekat perbuatan jahat di jalan-jalan dan tempat-tempat awam yang lain.
- viii. Melaksanakan hukum hudud samada ia merupakan hak bagi Allah atau hak sesama manusia.
- ix. Menyiasat saksi-saksi, meneliti para pemegang amanah dan melantik penggantinya apabila diperlukan.
- x. Memastikan persamaan di segi hukum samada di kalangan orang berkuasa atau rakyat jelata yang lemah.

b. Qadi am pada bidangkuasa tetapi wilayah (tempat) dikhaskan.

Qadi ini mempunyai tugas sepertimana qadi wilayah 'aammah yang telah disebutkan di atas cuma dikhaskan di daerah yang tertentu sahaja menurut ketetapan dari ketua qadi.

c. Qadi yang dibataskan bidangkuasanya mengikut pengkhususan.

Kuasa qadi ini dihadkan dalam kes tertentu. Contohnya apabila berlaku sesuatu perbalahan dan diarahkan supaya menghakimkannya maka ia boleh memutuskan kes tersebut sahaja. Qadi ini boleh ditentukan oleh pemerintah menghakimkan kes-kes tertentu sahaja seperti kes jenayah atau kehartaan. Al-Mawardi mengatakan bahawa qadi ini juga ditentukan tarikhnya untuk bertugas atau membantu Qadi Wilayah 'Aammah. Apabila telah ditetapkan masanya maka ia tidak boleh menjalankan tugas selain dari tarikh dan kes yang ditetapkan.¹¹

Kebebasan Qadi

Kebebasan qadi dalam Islam adalah luas sekali. Selaku mujtahid, qadi boleh merujuk sendiri segala punca masalah dan hukumnya berdasarkan Al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak dan berijtihad menurut pendapatnya sendiri.¹² Timbulnya mazhab yang empat khasnya telah menghadkan ijtihad qadi berdasarkan mazhab tertentu sahaja. Namun menurut Al-Mawardi dan pandangan kebanyakan ulama al-Syafie bahawa qadi tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Setiap qadi boleh memilih mana-mana pendapat yang dirasanya baik menurut ijtihadnya sendiri.¹³

11. Dr. Sulaiman Muhammad al-Tamawi, *Al-Sultat al-Thalan*, hlm. 311.

12. *Ibid*, hlm 312.

13. Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hlm 67.

INSTITUSI AL-MAZALIM

Menurut Dr. Mahmud Hilmi, Mazalim adalah satu daripada cabang kehakiman yang mempunyai kuasa tertinggi dan bidangkuasa yang lebih luas daripada qadi-qadi biasa.¹⁴ A. Hasjmy membandingkan lembaga ini sebagai Mahkamah Agung iaitu tempat rayuan-rayuan dibuat oleh orang yang tidak puashati dengan keputusan perbicaraan sebelumnya atau boleh dikatakan sebagai Mahkamah Rayuan.¹⁵ Imam Al-Mawardi menjelaskan bahawa institusi ini bertugas sebagai pembimbing kepada orang yang saling bermusuhan ke arah kesedaran.

Petugas Mazalim boleh mengancam orang yang berbalah itu dengan kuasa dan kehaibatan yang ada padanya.¹⁶ Ibn Khaldun pula berpendapat, al-Mazalim adalah satu institusi yang terjalin antara hakim dan kekuasaan negara. Ia memerlukan kepada orang yang penuh wibawa untuk mengajar atau mengancam orang yang berbuat jahat. Ia juga bertugas mencari serta memerhatikan keterangan dan bukti; mengamati tanda (qarinah); menanggukkan sesuatu perkara atau kes sehingga jelas kebenarannya dan mengambil sumpah para saksi.¹⁷ Ketua Negara hendaklah melantik ketua bagi institusi ini seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi (dipandang mulia), luhur, mempunyai kehaibatan, mulia diri, tidak tamak dan warak.¹⁸ "Dewan al-Mazalim" hendaklah mempunyai lima perkara sebelum melaksanakan sesuatu perbicaraan. Lima unsur itu ialah :¹⁹

- i. Pembela dan pembantunya untuk mempertahankan hak orang yang terlibat atau tertuduh.
- ii. Qadi atau para hakim untuk menentukan hukuman yang akan dijatuhkan dalam perbicaraan itu.
- iii. Para fuqaha' untuk dirujukkan kepada mereka hukum-hukum yang berkaitan.
- iv. Penulis atau pencatit untuk mencatatkan punca perbalahan dan hak-hak yang berkaitan dengan orang yang terlibat.
- v. Para saksi untuk memberi keterangan tentang perkara yang sebenar.

Secara lebih teratur lagi tugas-tugas al-Mazalim ini dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:²⁰

Tugas-tugas am

- i. Memberi perhatian kepada ketua-ketua wilayah supaya tidak melakukan sebarang penyelewengan.
- ii. Meneliti peranan pekerja-pekerja mengenai harta benda supaya sentiasa berlaku adil.
- iii. Meneliti dokumen "dawawin"²¹ kerana ia adalah amanah ummat.
- iv. Mempastikan Waqaf Am dilaksanakan dengan sempurna.

14. Dr. Mahmud Hilmi, *Nizam al-Hukum al-Islami*, hkn. 344

15. A. Hasjmy, *Di mana letaknya negara Islam*, hkn. 270.

16. Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hkn. 77.

17. Abd. Rahman Ibn Khaldun al-Magribi, *Al-Muqaddimah*, juz 1, hkn. 392.

18. Al-Tanawi, *al-Sultat al-Thalath*, hkn. 317.

19. Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hkn. 77.

20. Al-Mawardi di menjelaskan sepuluh tugas sahaja tanpa diklasikan di atas. Lihat Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hkn. 80-83. Pengelasan ini dibuat oleh Al-Tanawi, *Al-Sultat al-Thalath*, hkn. 318-320.

21. Perkataan jamak bagi Diwan yang bermaksud dokumen-dokumen bagi jabatan yang wujud dalam negara Islam. Ia menyatukan tentang bidangkuasa, tugas atau amanah yang mesti dilaksanakan.

Tugas-tugas khusus

- i. Memberikan hak kepada orang yang dikurangi rezekinya atau lambat diserahkan kepadanya.
- ii. Mengembalikan barang-barang yang dirampas kepada tuannya.
- iii. Menyelesaikan perbalahan mengenai "Waqaf Khas" dilaksanakan dengan sempurna.
- iv. Melaksanakan hukum-hukum yang tidak dapat dilaksanakan oleh qadi-qadi kerana kelemahan mereka atau orang yang dihukum itu (bersalah) amat berpengaruh.
- v. Membantu ketua-ketua petugas Hisbah yang lemah untuk melaksanakan tugas mereka.
- vi. Meraikan ibadat-ibadat zahir seperti sembahyang jemaah, solat dua hari raya, ibadat haji, jihad dan sebagainya.

Berdasarkan kepada keterangan mengenai bidang tugas institusi al-Mazalim maka dapatlah kita simpulkan bahawa tugasnya begitu penting dan luas sekali malah lebih luas dari kuasa para qadi. Institusi ini sekaligus memutuskan hukuman dan memastikan hukuman itu dilaksanakan sepenuhnya. Saidina Ali telah menubuhkan institusi ini di zaman pemerintahannya.²² Tindakan beliau ini sudah cukup jelas menunjukkan betapa perlunya institusi ini diwujudkan dalam sesebuah negara Islam.

INSTITUSI AL-HISBAH

Al-Hisbah adalah satu badan yang memerhati dan mengawasi masalah yang berkaitan dengan ketertiban umum dan perkara yang berkaitan dengan hudud. Secara amnya, al-Hisbah adalah pelaksana "Amar Ma'ruf" dan "Nahi Munkar". "Ma'ruf" ialah niat atau perbuatan yang dipandang baik oleh syarak dan "Munkar" ialah niat atau perbuatan yang dipandang buruk oleh syarak.²³ Asas kepada kewujudan badan ini ialah daripada beberapa firman Allah antaranya:

*'Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong kepada yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikannya dan melarang daripada berbuat kejahatan; mereka mendirikan solat dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.'*²⁴

Dalam ayat yang lain Allah juga ada berfirman yang bermaksud:

*'Kamu (wahai ummat Muhammad) adalah sebaik-baik ummat yang dilahirkan bagi (faedah) ummat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang mungkar serta kamu beriman kepada Allah.'*²⁵

22. Al-Tanawi, Al-Sultat al-Thalath, hlm 316.

23. Muhammad al-Muhsarak, Ara Ibn Taimiyah, hlm 71. Lihat juga Al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyah, hlm 240.

24. Lihat Al-Quran, Surah Al-Taubah (9:71)

25. Lihat Al-Quran, Surah Ali Imran (3:10)

Syarat Keanggotaan

Pekerja hisbah dipanggil "Muhtasib" dilantik oleh ketua negara sendiri. Muhtasib dikehendaki mempunyai sifat dan syarat berikut:

- i. Mukmin
- ii. Mukallaf.
- iii. Mampu melaksanakan "amar ma'ruf" dan "nahi munkar"
- iv. Tahu hukum-hukum syarak mengenai perkara yang disuruh dan yang ditegah oleh Allah.
- v. Berlaku adil.
- vi. Dilantik atau diizinkan oleh ketua negara.

Selain dari itu, untuk memastikan dakwah yang dilakukan oleh para muhtasib mendatangkan kesan yang positif maka mereka hendaklah seorang yang tinggi budi pekertinya, bertepatan di antara kata dan amalannya, tidak menyembunyikan pengetahuannya, boleh memberi nasihat, bertugas sematamata untuk mencari keridaan Allah SWT dan sabar menerima sebarang fitnah atau cabaran semasa menjalankan tugas.²⁶

Tugas-tugas al-Muhtasib

Ibn Taimiyyah telah menggariskan sepuluh perkara pokok mengenai pekerjaan para muhtasib seperti berikut :²⁷

- i. Mempastikan pelaksanaan yang sempurna dalam solat jumaat, solat berjamaah dan mengarahkan orang yang meninggalkan solat tersebut tanpa uzur supaya mengerjakannya.
- ii. Mencegah orang minum arak, bersuka-sukaan atau melakukan maksiat seks.
- iii. Mengarahkan orang yang tidak solat atau enggan menunaikan zakat supaya menyempurnakannya serta menghalang orang yang jahil- mengeluarkan sebarang fatwa.
- iv. Menjaga hubungan orang yang berjiran supaya masing-masing menghormati hak jiran.
- v. Memuliakan orang alim, para doktor dan orang yang mahir supaya melaksanakan tugas mereka dengan amanah dan ikhlas.

26. Dr. Mahmud Hilmi, *Nizam al-Hukm al-Islami*, hlm 351-352

27. Muhammad al-Muhsarak, *Ara Ibn Taimiyyah*, hlm 100-101. Lihat juga Al-Mawardi, *Ahkam al-Sultaniyyah*, hlm 243-259.

- vi. Mencegah tipu helah dalam muamalat seperti jualbeli fasad, penipuan harga barangan, timbangan dan sukatan.
- vii. Melarang imam-imam di masjid dari memanjangkan sembahyang dan memberikan peringatan kepada para qadi serta ketua-ketua masyarakat supaya tidak meninggalkan tugas masing-masing tanpa uzur yang dibenarkan oleh syarak.
- viii. Menegah tuan punya tanggungan menggunakannya berlebihan dan melarang tuan punya sampan dari menggunakannya keterlaluan sehingga boleh menyebabkan sampan itu tenggelam.
- ix. Menentukan adab-adab Islam yang perlu dipatuhi di antara lelaki dan perempuan.
- x. Mempastikan jalanraya dalam keadaan selamat dengan melarang binaan-binaan yang dibuat menghalang kesempurnaan perjalanan dan menghindarkan gangguan terhadap pengguna jalanraya seperti perompak dan lain-lain.

Tugas pegawai hisbah seperti yang disebut di atas telah dapat menggambarkan kedudukan badan ini dalam sebuah negara Islam. Terdapat sebahagian dari tugas badan ini menyamai tugas kehakiman dan sebahagiannya tidak, malah kadangkala terbabit dengan perlaksanaan sekaligus.²⁸ Namun itulah tugas yang telah digariskan bagi badan ini sepertimana yang berlaku di zaman selepas Khulafa'al-Rasyidin iaitu di zaman Umayyah dan Abbasiyyah.

KESIMPULAN

Institusi "al-Mazalim" dan "al-Hisbah" adalah saling lengkap-melengkapi dalam usaha memperbaiki dan memastikan keamanan di dalam daulah Islamiah. Kedua-duanya secara langsung membantu tugas badan kehakiman untuk mengujudkan keadilan sebenar seperti yang dituntut oleh Islam.

28. Al-Tanawi, *Al-Sultat al-Thalath*, hlm 313.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

Hilmi, Dr. Mahmud Nizam al-Hukm al-Islami, Muqaranan bi al-Nuzum al-Mu'asarah, Misr: Dar al-Fikr al-Arabi, 1975.

Al-Mutawalli, Dr. Abd. Hamid, Mabadi Nizam al-Hukm al-Islami, Iskandariah: Mansyaa al-Maarif, 1974

'Utawah, Abd. al-'Al. Muhadarat fi Nizam al-Qada fi al-Islam. Cairo: Jamiah al-Azhar, 1970.

Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad. Al-Ahkam al-Sultaniyyah. Cairo: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1966.

Al-Tamawi, Dr. Sulaiman Muhammad. Al-Sultat al-Thalath. Cairo: Dar al-Fikr al-Arabi, 1967.

A. Hasjmy, Di mana letaknya negara Islam. Singapura: Pustaka Nasional, 1970.

Ibn. Khaldun, Abd. Rahmanal-Maghribi. Al-Muqaddimah. jld. 1, Beirut: Maktabah al-Madrasah wa Dar al-Kitab al-Lubnani, 1967.

Al-Mubarak, Muhammad. Ara' Ibn Taimiyah. t. tp: Dar al-Fikr, 1970.